

# Gaji guru besar tak akan diturun

8 H-5 DIS 1974

KUALA LUMPUR,

Rabu. — Menteri

Pelajaran, Dr. Ma-

hathir Mohamad

menjelaskan g a j i

hakiki seorang guru-

besar tidak akan di-

turunkan jika dia

ditugaskan sebagai

guru penolong.

Bagaimanapun guru

berkenaan layak mene-

rima tanggagaji jawatan

guru penolong itu dan

Elaun pemangku atau

elaun tanggungan ker-

ja sekiranya gaji guru

penolong yang dijabat

itu lebih tinggi dari

hakikinya.

**Kecekapan**

Beliau menjawab soalan mulut Haji Mohamad Zain Abduillah, (BN-Bachok) yang juga ingin tahu samada jawatan gurubesar itu boleh diturunkan mengikut kelayakan, kebolehan, kecekapan dan daya inisiatif seseorang gurubesar.

Dr. Mahathir menerangkan perlantikan seorang gurubesar dibuat mengikut peraturan-peraturan perkhidmatan dan tanggungjawab guru dari segi kelulusan, kebolehan, kekananan dan kesesuaian.

Penepatan gred jawatan gurubesar bergantung kepada tugas-tugas dan tanggungjawab gurubesar itu.

## Kelayakan

Katanya: "Jawatan gurubesar tidak boleh diturunkan mengikut kelayakan, kebolehan, kecekapan dan daya inisiatif seseorang guru besar, tetapi seorang yang menjawat jawatan gurubesar boleh turun atau dinaikkan pangkatnya."

Beliau menambah kementeriannya cuba berlaku adil dalam melaksanakan gaji baru guru-guru besar tetapi kementeriannya tidak dapat memuaskan hati setiap guru.